



# PEMBENTUKAN KERANGKA INFAK JARIAH MENURUT ULAMA HADIS

(Foundation Of Continuous Charity Framework According to Hadith Scholars)

Nazmi Qayyum Hamdan<sup>1</sup>, Mohd Nizam Sahad<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

## Abstract

There are several types of practices that ongoing its reward even after death. Al-Suyuti concludes from various hadiths that there are 11 types of continuous charity. However, the hadiths provide some specific examples and no scholars have inferred them to a general framework or concept. This study collects data by using document observation through the internet and al-Maktabah al-Shamilah software. All eleven infaq al-jariah (continuous charity) will be analyzed thematically by the help of hadith scholars' commentaries. Based on the exposition of the hadith scholars, the general themes of continuous charity mentioned in the hadith are concluded. The results of the analysis found that the continuous charity framework has three concepts namely; provide basic facilities, producing a pious generation, and maintain peace.

**Kata Kunci:** Continuous charity framework, hadith scholars, infaq, al-jariah

## Article Progress

Received: 31 August 2022  
Revised: 29 October 2022  
Accepted: 15 November 2022

\*Corresponding Author:  
Nazmi Qayyum Hamdan.  
Pusat Pengajian Ilmu  
Kemanusiaan, Universiti  
Sains Malaysia  
Email:  
nazmiqayyum@gmail.com

## PENDAHULUAN

Secara umumnya, masyarakat Melayu menggunakan frasa “amal jariah” yang bermaksud amalan baik yang memberi manfaat kepada pelakunya hingga ke akhirat (Kamus Dewan, 2005). Perkataan “jariah” diambil daripada bahasa Arab iaitu *jariyah*. Lafaz ini datang daripada perkataan *jaraya* yang maksud asalnya ialah pengaliran sesuatu (Ibn Faris, 1979). Contoh penggunaan kata ini adalah seperti *jara alma* yakni “air itu mengalir,” *jara al-fars* yakni “kuda itu berlari”, *jara al-amr* yakni “pekerjaan itu berjalan” (Al-Marbawi, 1998). Kapal dan matahari juga termasuk dalam *al-jariyah* (Ibn Faris, 1979) kerana ia seakan “berlari” di atas lautan dan angkasa. Oleh itu, dapatlah difahami bahawa *al-‘amal al-jariyah* bermaksud perbuatan yang mengalir pahalanya walaupun setelah mati. Hal ini merupakan konsep lestari atau mapan yang bermaksud kekal dan tidak berubah (Kamus Dewan, 2005).

Perkataan “infak” pula adalah berasal daripada bahasa Arab *infaq* yang difahami oleh orang Melayu sebagai “Pemberian (sumbangan) wang, harta dan sebagainya yang dibelanjakan untuk kebajikan, seperti derma, sedekah dan sebagainya”. (Kamus Dewan, 2005, hlm. 576)

Ia juga berkait rapat dengan perkataan *nafaqah* yakni “nafkah.” Kata dasar bagi kalimah-kalimah ini ialah *nafaq*. Menurut Ibn Faris (1979), *nafaq* memiliki dua maksud umum, pertama ialah terputus dan perginya sesuatu, kedua ialah menyembunyikan sesuatu atau menyamarkannya. Contoh bagi maksud pertama ialah *anfaqa al-sihah* yakni “menghabiskan kesihatannya” dan *anfaqa al-rajul* yakni “lelaki itu kemiskinan” (Idris al-Marbawi, 1998). Contoh bagi maksud kedua ialah perkataan *al-nifaq* yakni “kemunafikan” kerana pelaku tersebut menyembunyikan imannya seakan-akan imannya keluar daripada dirinya secara senyap (Ibn Faris, 1979). Perkataan *infaq* daripada sudut bahasa bermaksud “membelanjakan” (Idris al-Marbawi, 1998). Menurut istilah pula, ‘Abdullah Sulaiman Mustafa (2006) merumuskan lima maksud bagi istilah *infaq* setelah mengumpulkan beberapa definisinya:

- Maksud pertama, mengkhususkan infak hanya pada harta (wang) semata-mata.
- Maksud kedua, infak hanya pada harta (aset) dan seumpamanya seperti baju, rumah dan makanan.
- Maksud ketiga memutlakkan makna infak seperti menggunakan harta dan khidmat tenaga.
- Maksud keempat, infak itu dilakukan untuk perkara yang diperlukan saja.

- Maksud kelima, apa-apa saja sumbangan yang baik dianggap infak.

Oleh itu, infak jariah yang dimaksudkan dalam kertas ini ialah amalan yang mengorbankan sumbangan dalam apa-apa bentuk untuk mendapatkan pahala yang berkekalan.

## METODOLOGI

Terdapat beberapa hadis Nabi Muhammad SAW yang menyebut jenis-jenis amalan sedekah jariah. Hadis mengenai sedekah jariah yang sering didengari ialah riwayat daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ : إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Jika manusia mati, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang diambil manfaatnya dan anak soleh yang selalu mendoakan orang tuanya. (Muslim, jil. 3, no. 1631)

Selain daripada tiga perkara tersebut, terdapat juga hadis yang menghimpunkan tujuh jenis sedekah jariah yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ مِمَّا يَلْحَقُ الْمُؤْمِنَ مِنْ عَمَلِهِ وَحَسَنَاتِهِ بَعْدَ مَوْتِهِ: عِلْمًا عَلَّمَهُ وَنَشَرَهُ، وَوَلَدًا صَالِحًا تَرَكَهُ، أَوْ مُصْحَفًا وَرَّثَهُ، أَوْ مَسْجِدًا بَنَاهُ، أَوْ بَيْتًا لِابْنِ السَّبِيلِ بَنَاهُ، أَوْ نَهْرًا أَجْرَاهُ، أَوْ صَدَقَةً أَخْرَجَهَا مِنْ مَالِهِ فِي صِحَّتِهِ وَحَيَاتِهِ، تَلَحُّقُهُ مِنْ بَعْدِ مَوْتِهِ

Sesungguhnya antara amal dan kebaikan seorang mukmin yang tetap mengalir setelah dia mati ialah ilmu yang diajarkannya serta menyebarkannya, anak soleh yang ditinggalkannya, mushaf yang dia wariskan, masjid yang dibina, rumah yang dibina untuk *anak jalan*, sungai yang dialirkan, sedekah daripada hartanya yang disumbangkan semasa dia sihat dan masih hidup, (semua ini) akan terus mengalir kepadanya selepas mati.

Al-Albaniy (2000) menilai hadis ini sebagai *hasan*. Hadis ini juga diriwayatkan oleh Ibn Khuzaimah (t.thn., no. 2490) tetapi dengan sedikit perbezaan iaitu lafaz *nahrān karah* digunakan dan bukan *nahrān ajrah*, dan tiada penyebutan tentang pewarisan mushaf. Selain daripada hadis di atas, Anas bin Malik RA juga meriwayatkan hal yang hampir sama, Rasulullah SAW bersabda:

سَبْعٌ يَجْرِي لِلْعَبْدِ أَجْرُهُنَّ مِنْ بَعْدِ مَوْتِهِ وَهُوَ فِي قَبْرِهِ: مَنْ عَلَّمَ عِلْمًا، أَوْ أَجْرَى نَهْرًا ، أَوْ حَفَرَ بَيْرًا، أَوْ غَرَسَ نَخْلًا، أَوْ بَنَى مَسْجِدًا، أَوْ وَرَثَ مُصْحَفًا، أَوْ تَرَكَ وَلَدًا يَسْتَغْفِرُ لَهُ بَعْدَ مَوْتِهِ

Ada tujuh amalan yang pahalanya tetap mengalir untuk seorang hamba setelah dia mati, yakni berada di dalam kubur, iaitu orang yang mengajarkan ilmu, orang yang mengalirkan sungai, orang yang menggali sumur, orang yang menanam kurma, orang yang membina masjid, orang yang mewariskan mushaf, dan orang yang meninggalkan seorang anak yang sentiasa memohonkan ampunan untuknya setelah dia mati.

Al-Albaniy (2000) menilai hadis ini sebagai *hasan li ghairih* dan mengatakan bahawa ia diriwayatkan oleh al-Bazzar, Abu Nu'aim dan al-Baihaqiy. Hadis ini menyerupai hadis sebelum ini yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, berikut ialah persamaannya:

- Mengajarkan ilmu.
- Mengalirkan sungai.
- Membina masjid.
- Mewariskan mushaf.

- Memiliki anak yang soleh.

Manakala perbezaan dua hadis tersebut ada empat perkara:

- Membuat sumur.
- Menanam kurma.
- Rumah yang dibina untuk orang yang merantau.
- Sedekah daripada hartanya yang disumbangkan semasa dia sihat dan masih hidup.

Kemungkinan memang Rasulullah SAW pernah menyebut kedua-dua versi riwayat tersebut, dan baginda cuba menerangkan kepelbagaian cara infak jariah. Sudah diketahui bahawa konsep utama sedekah jariah ialah lestari atau mapan, tetapi tema utama kelestarian infak jariah itu belum lagi dikenal pasti.

## SOROTAN KARYA

Al-Suyutiy dalam *al-Dibaj* menyimpulkan hadis-hadis tersebut kepada 11 perkara dalam rangkap baitnya yang maksudnya:

إذا مات بن آدم لیس یجری علیہ من فَعَالٍ غَیْرِ عَشْرِ  
عُلُومٍ بَثَّهَا وَدُعَاءِ نُجْلِ \* وَغَرَسِ النَّخْلِ وَالصَّدَقَاتِ تَجْرِي  
وَرِاثَةِ مُصْحَفٍ وَرِبَاطِ ثَعْرِ \* وَحَفْرِ الْبُئْرِ أَوْ إِجْرَاءِ نَهْرٍ  
وَبَيْتٍ لِلْغَرِيبِ بِنَاءُ يَأْوِي \* إِلَيْهِ أَوْ بِنَاءِ مَحَلِّ ذِكْرٍ  
وَتَعْلِيمِ الْقُرْآنِ كَرِيمٍ \* فَحَدَّثَهَا مِنْ أَحَادِيثٍ بِحَصْرِ

Jika manusia itu meninggal dunia, maka kebaikan daripada perbuatan orang lain itu berhenti kecuali sepuluh perkara:

*Ilmu yang ia sebarkan dan doa dari keturunannya (anak),  
Menanam kurma dan sedekah jariah,  
Mewariskan mushaf dan menjaga di sempadan,  
Menggali sumur atau mengalirkan sungai,  
Membina rumah untuk orang asing,  
Atau membinanya untuk majlis zikir,  
Dan mengajarkan al-Quran yang mulia,  
Ambillah hadis-hadis yang telah diringkas ini.  
(Al-Suyutiy, 1996)*

Ibn 'Allan (2004) dalam *Dalil al-Falihin* juga membuat rangkap syairnya sendiri:

خصال عليها المرء من بعد موته \* يثاب فلازمها إذا كنت ذا ذكر  
رباط بثر ثم توريث مصحف \* ونشر لعلم غرس نخل بلا نكر  
وحفر لبئر ثم إجراء نهر \* وبيت غريب في التصدق إذ يجري  
وتعليم قرآن وتشبيد منزل \* لذكر ونجل مسلم طيب الذكر  
وفي خبر من ذا إذا حج فرضه \* أو الدين عنه قد قضى كامل الفخر

روى ابن عماد ذا بحسن ذريعة\* ولم يذكر الراوي لذلك ما يدري

Garapan yang dibuat oleh Ibn ‘Allan tidak jauh daripada al-Suyutiy. Jika diperhatikan bait al-Suyutiy tadi, salah satu contoh amalan yang mengalir selepas mati ialah “sedekah jariah,” sedangkan kesemua 11 jenis amalan itu sendiri ialah sedekah jariah. Begitu juga dengan kenyataan mengalir sungai dan menggali sumur. Hal sedemikian kelihatan lewah, yakni keterangan yang berlebihan dan seolah-olah sama. Oleh itu, masih tiada lagi sarjana yang melakukan penyimpulan terhadap jenis-jenis infak jariah kepada tema-tema umum.

## METODOLOGI

Pemeriksaan atau penelitian dokumen mampu menyasat bentuk serta pola yang telah lepas. Sumber-sumber dokumen yang diterima termasuklah catatan, manuskrip, emel dan sebagainya (Hazri & Mohammad, 2015). Dokumen dalam kajian ini ialah hadis-hadis berkaitan infak jariah. Pencarian dilakukan pada fasa pertama melalui internet dengan menggunakan kata kunci yang berkaitan. Kemudian fasa kedua adalah mencari sumber hadis tersebut menggunakan perisian al-Maktabah al-Shamilah. Secara dasarnya, bait-bait al-Suyutiy dan Ibn ‘Allan menjadi dasar untuk mencari hadis-hadis infak jariah tersebut.

Analisa kajian ini menggunakan analisis tematik. Analisis tematik ialah proses mengenal pasti pola atau tema dalam data kualitatif. Matlamatnya adalah untuk mengenal pasti tema, iaitu corak dalam data yang penting atau bermakna dan menggunakan tema tersebut sebagai suatu yang mampu menjelaskan isu kajian (Aizan Sofia Amin, Ezarina Zakaria & Norulhuda Sarnon, 2021). Syarahan ulama hadis berkenaan hadis-hadis tersebut membantu dalam mengenal pasti tema.

## DAPATAN KAJIAN

### Ilmu bermanfaat yang disebarkan.

Antara infak jariah yang disabdakan oleh Rasulullah SAW ialah mengajarkan ilmu yang bermanfaat. Menurut riwayat Anas bin Malik RA berbunyi; “orang yang mengajarkan ilmu,” riwayat Abu Hurairah RA pula berbunyi; “ilmu yang diajarkannya serta menyebarkannya.”

Maksud “menyebarkannya” adalah lebih luas berbanding sekadar mengajarkan, kerana ia merangkumi *al-ta’lif* “karya” serta mewakafkan kitab (Al-Mulla ‘Aliy al-Qariy, 2002). “Menyebarkan” juga boleh melalui secara *al-tasnif* “penulisan” (Al-Sindiy, t.thn.), pembukuan kitab (Al-Ityubiy, 2006), fatwa (Al-Munawiy, 1356H), dan kelas pembelajaran (Al-San‘aniy, 2011).

Abu Hurairah RA juga meriwayatkan lafaz daripada Rasulullah SAW hadis yang berbunyi; “ilmu yang diambil manfaatnya.” Persoalannya, adakah ilmu bermanfaat yang perlu disebarkan itu hanya terbatas pada ilmu keagamaan. Ibn Uthaimin (t.thn.) menjelaskan:

الظاهر أن الحديث عام ، كل علم ينتفع به فإنه يحصل له الأجر ، لكن على رأسها وقمتها العلم الشرعي ، فلو فرضنا أن الإنسان توفي وقد علم بعض الناس صنعة من الصنائع المباحة ، وانتفع بها هذا الذي تعلمها فإنه ينال الأجر ، ويؤجر على هذا

Secara zahirnya ilmu di sini sifatnya umum, semua ilmu bermanfaat yang mendatangkan pahala. Tetapi yang paling mulia ialah ilmu syariah. Jika ada orang yang mati, dan dulu dia pernah mengajarkan tentang keterampilan yang diharuskan, dan itu bermanfaat bagi orang yang belajar, maka dia mendapatkan pahala dan juga diberikan pahala kerana memberikan ilmu sebegitu.

Oleh itu, apa-apa saja ilmu yang bermanfaat dan diajarkan melalui pelbagai cara, maka ia akan mendapat pahala berterusan walaupun setelah mati.

### **Mengajarkan al-Quran.**

Ibn ‘Asakir (1995) dalam *Tarikh Dimashq* meriwayatkan daripada Abu Sa‘id al-Khudriy bahawa Rasulullah SAW bersabda:

من علم آية من كتاب الله أو باباً من علم أنمى الله أجره إلى يوم القيامة

Sesiapa yang mengajarkan sebuah ayat daripada kitab Allah (al-Quran) atau satu bab daripada ilmu, Allah akan menambahkan pahalanya hingga hari kiamat.

Al-Albaniy (1992, no. 2595) dalam *Silsilah al-Ahadith al-Da‘ifah* menilai hadis ini daif. Al-‘Aziziy (t.thn.) dalam *al-Siraj al-Munir* ketika mensyarahkan hadis riwayat Abu Hurairah RA; “ilmu yang diajarkannya serta menyebarkannya,” beliau menggunakan hadis riwayat Ibn ‘Asakir ini sebagai huraian.

Pernyataan “sebuah ayat daripada kitab Allah” boleh bermaksud ilmu lafaz (cara baca), ilmu makna (tafsir) atau kedua-duanya sekali. Pernyataan “atau satu bab daripada ilmu” bermaksud ilmu bermanfaat yang difahami maknanya. Pahalanya akan mengalir walaupun selepas mati. (Al-San‘aniy, 2011)

Walaupun hadis ini daif, tetapi secara logiknya ia benar. Hal ini berdasarkan hadis sahih bahawa ilmu yang bermanfaat merupakan infak jariah, dan ilmu al-Quran merupakan ilmu yang paling mulia. Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Sebaik-baik kalian adalah yang belajar al-Quran dan mengajarkannya. (Al-Bukhariy, jil. 6, no. 5027)

Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا

Sesiapa yang membaca satu huruf dalam al-Quran maka dia mendapatkan satu pahala. Dan satu pahala dilipatkan 10 kali. (Al-Tirmidhiy, jil. 5, no. 2910)

Kedua-dua hadis ini menunjukkan kemuliaan mengajarkan al-Quran sama ada daripada segi memahami makna atau sekadar membaca lafaznya. Al-Quran merupakan kitab yang mendidik jiwa agar bertauhid dan beragama dengan lurus. Oleh itu, hadis daif ini menunjukkan bahawa mengajarkan ilmu agama walaupun sedikit merupakan infak jariah.

### **Mewariskan mushaf.**

Infak jariah seterusnya ialah mewariskan lembaran kitab. Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda; “mushaf yang dia wariskan,” Anas bin Malik RA pula meriwayatkan; “orang yang mewariskan mushaf.”

Al-San‘aniy (2011) menyatakan bahawa mushaf ini ditinggalkan untuk pewarisnya atau diwakafkan kepada orang Islam. Mushaf tersebut boleh berbentuk kitab hadis seperti Sahih al-Bukhariy dan Sahih Muslim (Al-Munawiy, 1356H), kitab ilmu syariat (Al-Mulla ‘Aliy, 2002) dan apa-apa yang berkaitan agama Islam (Al-Rahmani, 1984).

Mushaf yang dimaksudkan dalam hadis ini bukanlah terbatas kepada al-Quran sahaja sebagaimana yang ditulis oleh kebanyakan terjemahan bahasa Melayu atau Indonesia. Tidak dijumpai kitab syarah hadis

yang mentafsirkan mushaf tersebut sebagai al-Quran walaupun al-Quran termasuk dalam keumuman lafaz “mushaf.” Oleh itu, mewariskan mushaf berkenaan ilmu keagamaan merupakan salah satu bentuk infak jariah.

### Membuat aliran sungai.

Infak jariah seterusnya adalah membuat aliran sungai. Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda; “sungai yang dialirkan,” Anas bin Malik RA pula meriwayatkan; “orang yang mengalirkan sungai.”

Maksud “mengalirkan” dalam hadis ini adalah menjadikannya bermanfaat untuk seluruh makhluk (Al-Mulla ‘Aliy, 2002) dan juga tanah bumi (Al-Munawiy, 1356H). Perkataan “mengalir” juga boleh bermaksud *hafar* “menggali” (Al-‘Aziziy, t.thn.), yakni menggali tanah untuk membuat perigi. Menurut al-San‘aniy (2011) walaupun aliran sungai itu akan dimiliki oleh warisnya (dan dia tidak sempat merasainya), tetapi manfaatnya lebih besar untuk orang awam. Hal ini menunjukkan galakan menghidupkan sungai yang memberikan manfaat kepada manusia, haiwan dan bumi walaupun si pembuat telah mati. Terdapat riwayat daripada al-Hasan bahawa dia menceritakan:

عَنْ سَعْدِ بْنِ عُبَادَةَ: أَنَّ أُمَّهُ مَاتَتْ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ أُمَّي مَاتَتْ، أَفَأَتَصَدَّقُ عَنْهَا؟ قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: فَأَيُّ الصَّدَقَةِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: سَقْيُ الْمَاءِ، فَتِلْكَ سِقَايَةُ سَعْدٍ بِالْمَدِينَةِ

Diriwayatkan daripada Sa’d bin ‘Ubadah bahawa ibunya telah mati, lalu dia berkata, “Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibuku mati, adakah aku perlu bersedekah untuknya?” Baginda menjawab, “Ya.” Aku pun bertanya, “Maka apakah sedekah paling bagus?” Baginda menjawab, “Memberikan air.” Maka itulah (punca terjadinya) pancuran air Sa’d di Madinah. (Al-Nasa’iy, jil. 6, no. 3666)

Al-Wadi‘iy (2000, hlm. 144) mengatakan bahawa para perawi dalam sanad hadis ini ialah perawi sahah kecuali Ibrahim bin al-Hasan yang hanya sekadar jujur, dan sanad hadis ini terputus kerana al-Hasan (al-Basriy) tidak pernah bertemu dengan Sa’d bin ‘Ubadah RA. Riwayat ini menjadi penguat bagi perbuatan menyedekahkan sumber air sebagai infak jariah bagi pihak yang telah mati.

### Menggali sumur.

Selain daripada mengalirkan sungai, menggali sumur juga termasuk infak jariah. Anas bin Malik RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda; “orang yang menggali sumur.” Sebagaimana yang telah dijelaskan pada riwayat “mengalirkan sungai,” ia juga boleh membawa maksud menggali sumur. Menggali sumur pada hadis ini adalah untuk *al-sabil* yakni pejalan kaki (Al-Munawiy, 1356H; Al-‘Aziziy, t.thn.) atau dimanfaatkan oleh manusia secara umumnya (Al-San‘aniy, 2011).

### Menanam kurma.

Anas bin Malik RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda; “menanam kurma” sebagai salah satu amalan jariah. Ia dapat dilakukan dengan cara menyedekahkan buah kepada orang ataupun diwakafkan tanah tersebut (Al-Munawiy, 1356H). Al-San‘aniy (2011) pula meluaskan lagi maksud hadis ini dengan tidak terbatas pada kurma sahaja, tetapi juga kepada buah anggur, ara, dan apa saja buah yang baik dan mampu bertambah.

Oleh itu, infak jariah tidak terbatas pada menanam kurma sahaja, tetapi juga kepada buah-buah lain yang mampu dimanfaatkan oleh manusia. Amalan sebegini telah dibuat oleh sahabat Nabi SAW dengan niat untuk disedekahkan kepada ibunya yang telah wafat. Ibn ‘Abbas RA meriwayatkan:

أَنَّ سَعْدَ بْنَ عَبَادَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ تُوْفِيَتْ أُمُّهُ وَهُوَ غَائِبٌ عَنْهَا فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أُمَّي تُوْفِيَتْ وَأَنَا غَائِبٌ عَنْهَا  
أَيَنْفَعُهَا شَيْءٌ إِنْ تَصَدَّقْتُ بِهِ عَنْهَا قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: فَإِنِّي أَشْهَدُكَ أَنَّ حَائِطِي الْمِحْرَافَ صَدَقَةٌ عَلَيْهَا

Bahawasanya ibu kepada Sa'd bin 'Ubadah RA telah wafat ketika dia tidak berada di sisinya. Maka dia bertanya, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibuku telah wafat sedangkan aku tidak berada di sisinya, adakah bermanfaat jika aku bersedekah untuknya?" Baginda menjawab, "Ya." Dia berkata, "Maka sesungguhnya aku persaksikan di depanmu bahawa kebunku al-Mikhrif ini adalah sebagai sedekah untuknya (atas namanya)." (Al-Bukhariy, jil. 4, no. 2756)

Hadis ini menunjukkan bolehnya menyedekahkan sesuatu kebun tanaman itu kepada orang yang telah mati agar si mati itu mendapat manfaat atau pahala yang berterusan.

### **Rumah untuk musafir.**

Infak jariah seterusnya ialah membina rumah untuk orang yang bermusafir. Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda; "rumah yang dibina untuk anak jalan." Perbuatan membina bermaksud sama ada dengan tangan sendiri atau menyuruh (mengupah) orang membinanya (Al-Mulla 'Aliy, 2002), dan dibina dengan niat ikhlas kerana Allah dan bukan kerana riyak (Al-Munawiy, 1356H).

Maksud frasa *ibn al-sabil* "anak jalan" ialah pejalan kaki (Al-San'aniy, 2011). Dinamakan sebegitu kerana kekerapan mereka berada di atas jalan (Al-Itiyubiy, 2006). Pejalan kaki yang dimaksudkan ialah orang asing (Al-Mulla 'Aliy, 2002) atau orang yang bermusafir (Al-'Aziziy, t.thn.), contohnya bermusafir kerana pergi berjihad atau melakukan haji (Al-Munawiy, 1356H).

### **Membina masjid.**

Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda; "masjid yang dibina," manakala Anas bin Malik RA pula meriwayatkan; "orang yang membina masjid." Membina masjid merupakan salah satu amalan jariah yang disebutkan dalam hadis.

Pembinaan tersebut boleh dilakukan sama ada dengan mengupah orang atau tangannya sendiri (Al-San'aniy, 2011), dan hendaklah dilakukan ikhlas kerana Allah dan tidak disertai riyak atau ingin glamor (Al-Munawiy, 1356H). Akan tetapi, maksud masjid dalam hadis ini bukan terhad kepada tempat solat sahaja, boleh juga bermaksud bangunan Maahad agama (Al-Rahmaniy, 1984) atau madrasah untuk melahirkan ulama (Al-Mulla 'Aliy, 2002). Oleh itu, apa-apa bangunan untuk menghidupkan agama adalah termasuk dalam kelebihan infak jariah.

### **Berjaga di sempadan.**

Terlibat dalam berjihad mampu menjadi suatu amalan jariah. Fadalah bin 'Ubaid RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ مَيِّتٍ يُحْتَمُ عَلَى عَمَلِهِ إِلَّا الَّذِي مَاتَ مُرَابِطًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَإِنَّهُ يُنْمَى لَهُ عَمَلُهُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَيَأْمَنُ مِنْ فِتْنَةِ الْقَبْرِ

Setiap orang yang mati akan terhenti amalannya kecuali orang yang mati kerana mengawal (sempadan) semasa (berperang) di jalan Allah. Sesungguhnya amalannya bertambah sehinggalah hari kiamat dan terpelihara daripada ujian dalam kubur. (Al-Tirmidhiy, jil. 4, no. 1621)

Terdapat juga hadis daripada Salman al-Farisiy RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

رِبَاطُ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ خَيْرٌ مِنْ صِيَامِ شَهْرٍ وَقِيَامِهِ، وَإِنْ مَاتَ جَرَى عَلَيْهِ عَمَلُهُ الَّذِي كَانَ يَعْمَلُهُ، وَأُجْرِي عَلَيْهِ رِزْقُهُ، وَأَمِنْ  
الْفَتَّانَ

*Ribat* (mengawal di sempadan) sehari semalam adalah lebih baik daripada puasa selama satu bulan berserta tahajudnya. Apabila ia wafat dalam perang tersebut, pahala dari amalnya ini tetap mengalir, demikian juga rezekinya, dan dia aman daripada ujian (kubur). (Muslim, jil. 3, no. 1913).

Hadis ini menggunakan lafaz *ribat* yang maksud umumnya ialah *al-habs* yakni “menahan” (‘Abd al-Haqq al-Dihlawiy, 2014). Contohnya ucapan *ribat al-fars* “mengikat kuda” agar ia tidak lari, *ribat al-jaihs* “tentera yang berjaga” di sempadan (Al-Raghib al-Asfahaniy, 1412H). Menurut Ibn al-Athir (1979) maksud asal *al-ribat* adalah berjihad melawan musuh semasa perang.

Maksud *ribat* pada hadis ini mampu memberikan dua makna. Makna pertama ialah pendapat masyhur, bahawa *ribat* bermaksud perbuatan mengawal di sempadan bersama kuda perang (‘Abd al-Haqq al-Dihlawiy, 2014). Makna kedua adalah memahami *ribat* dengan lebih umum iaitu melawan musuh dengan kuda di medan perang (Al-Mulla ‘Aliy, 2002). Pendapat kedua ini berdasarkan definisi Ibn al-Athir serta hadis bahawa setiap pengurusan kuda itu akan mendapat pahala, Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ اخْتَبَسَ فَرَسًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ إِيمَانًا بِاللَّهِ وَتَصَدِيقًا بِوَعْدِهِ فَإِنَّ شِبَعَهُ وَرِيَّهُ وَرَوْنَهُ وَبَوْلَهُ فِي مِيزَانِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Sesiapa yang memelihara kuda kerana jalan Allah, dalam keadaan beriman pada Allah serta membenarkan janji-Nya, maka sesungguhnya setiap makanan kuda itu, minumannya, kotorannya dan kencingnya akan menjadi timbangan di hari kiamat. (Al-Bukhariy, jil. 4, no. 2853)

Ahli *ribat* mendapat pahala baharu pada setiap masa kerana jasa mereka melindungi orang Islam dan menghidupkan agama dengan cara menentang musuh musyrik (Al-Mubarakfuriy, t.thn.). Apabila mereka mati, mereka hidup dalam kubur (dengan cara tersendiri) dan diberikan rezeki daripada buah-buah syurga (Al-Nawawiy, 1392H). Oleh itu, ahli *ribat* ini adalah mereka yang berperang untuk mempertahankan orang Islam serta menghidupkan agama.

### Doa anak yang soleh.

Melahirkan anak yang soleh juga termasuk dalam infak jariah. Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda; “anak soleh yang ditinggalkannya,” manakala Anas bin Malik RA pula meriwayatkan; “orang yang meninggalkan seorang anak yang sentiasa memohonkan ampunan untuknya setelah dia mati.” Ibu atau bapa mendapat kelebihan sebegini kerana disebabkan merekalah si anak itu menjadi orang soleh (Al-Sindi, t.thn.; Al-San‘aniy, 2011).

Al-Mulla ‘Aliy (2002) mentafsirkan “anak soleh” sebagai anak yang beriman. Manakala al-Munawiy (1356H) dan al-‘Aziziy (t.thn.) mentafsirkannya dengan makna yang lebih umum iaitu anak yang beragama Islam. Walaupun gelaran “muslim” dan “mukmin” memiliki sedikit perbezaan, tetapi dalam hadis jelas menyebutkan sifat “soleh” yang membuatkan doa serta amalan anak itu diterima (Al-Ityubiy, 2006). Jika ia ditafsirkan secara umum sekalipun, iaitu “muslim,” maka syarat asas untuk menjadi orang Islam adalah tidak mensyirikkan Allah. Ibn ‘Abbas meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ رَجُلٍ مُسْلِمٍ يَمُوتُ، فَيَقُومُ عَلَى جَنَازَتِهِ أَرْبَعُونَ رَجُلًا، لَا يُشْرِكُونَ بِاللَّهِ شَيْئًا، إِلَّا شَفَعَهُمُ اللَّهُ فِيهِ.

Tidaklah seorang muslim mati, lalu didirikan (solat) ke atas jenazahnya sebanyak 40 orang yang tidak mensyirikkan Allah dengan sesuatu pun, melainkan Allah memberikannya (si mati) syafaat daripada mereka. (Muslim, jil. 2, no. 948)

Hadis ini membuktikan bahawa orang Islam walaupun tiada pertalian darah dengan si mati, mampu memberikan syafaat berbentuk doa dalam solat jenazah. Oleh itu, hadis-hadis berkenaan meninggalkan



anak yang soleh menunjukkan galakan untuk mendidik seseorang itu menjadi muslim yang baik walaupun bukan anaknya.

### Sedekah ketika sihat dan masih hidup.

Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda; “sedekah daripada hartanya yang disumbangkan semasa dia sihat dan masih hidup.” Menurut al-Sindi (t.thn.) hadis ini menyatakan dalam keadaan sihat atau semasa hidup kerana ia merupakan waktu yang sempurna keadaannya, berasa memerlukan serta ingin menggunakan hartanya, dan sebagaimana dalam riwayat Abu Hurairah RA yang lain, beliau meriwayatkan:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيُّ الصَّدَقَةِ أَكْبَرُ؟ قَالَ: أَنْ تَصَدَّقَ وَأَنْتَ صَحِيحٌ شَحِيحٌ، تَخْشَى الْفَقْرَ وَتَأْمُلُ الْغِنَى، وَلَا تُمְهَلُ حَتَّى إِذَا بَلَغْتَ الْحُلُومَ

Seorang lelaki datang kepada Nabi SAW dan bertanya, “Wahai Rasulullah, apakah sedekah yang paling besar pahalanya?” Baginda menjawab, “Iaitu kamu bersedekah dalam keadaan kamu sihat dan kedekut, risau akan kefakiran dan berkeinginan untuk menjadi kaya. Jangan menundanya sehingga tibanya kematian.” (Al-Bukhariy, jil. 2, no. 1419)

Keadaan sebegini merupakan sebaik-baik jalan (Al-Ityubiy, 2006) untuk bersedekah dan merupakan galakan Rasulullah SAW (Al-Sindi, t.thn.). Hal ini demikian kerana keadaan sihat membuatkan jiwanya mahu hidup lama dan risau menjadi fakir (Al-Munawiy, 1356H) sebagaimana yang disebut Rasulullah SAW. Maka amalan bersedekah diharapkan dapat menghilangkan perasaan begitu.

Namun begitu, fadilat amalan ini tidaklah terikat dengan sihat semata-mata, kerana hadis menyebut lafaz “masih hidup” dan ia boleh mendapat kelebihan amalan ini walaupun ketika sakit (Al-Mulla ‘Aliy, 2002). Jika seseorang bersedekah dalam keadaan yang disebutkan hadis maka pahalanya lebih sempurna, tetapi masih boleh mewakafkan sepertiga hartanya ketika mengalami sakit dan masih mendapat pahala sedemikian (Al-‘Aziziy, t.thn.). Bahkan jika dia telah mati sekalipun, anaknya masih boleh bersedekah bagi pihak ibu bapanya sebagaimana yang dilakukan oleh Sa’d bin ‘Ubadah RA.

## PERBINCANGAN

Al-‘Aziziy (t.thn.) menyatakan bahawa tujuh infak jariah yang disebutkan dalam hadis hakikatnya akan kembali kepada hadis tiga amalan riwayat Muslim iaitu Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ: إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Jika manusia mati, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang diambil manfaatnya dan anak soleh yang selalu mendoakan orang tuanya. (Muslim, jil. 3, no. 1631)

Pendapat beliau itu ada benarnya jika terbatas pada tujuh infak jariah yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA atau Anas bin Malik RA. Namun begitu, kesemua sebelas infak jariah yang disebut dalam beberapa hadis, tidak sesuai jika disimpulkan dengan tiga infak jariah yang disebutkan dalam hadis riwayat Muslim ini. Berikut ialah jadual yang menyimpulkan hadis-hadis infak jariah tadi berdasarkan tema.

*Jadual 1. Hadis infak jariah berserta temanya.*

Hadis	Syarah Ulama Hadis	Tema
Membuat aliran sungai. Menggali sumur.	Membuat aliran sungai atau menggali perigi untuk manfaat manusia dan haiwan.	<b>Menyediakan kemudahan asas</b>

Menanam kurma.	Menanam apa-apa buah yang baik dan mampu bertambah.	<b>(sumber air, makanan dan tempat tinggal).</b>
Rumah untuk musafir.		
Ilmu bermanfaat dan disebarkan.	Pembukuan kitab, fatwa, kelas pembelajaran.	
Mengajarkan al-Quran.	Bacaan atau makna al-Quran lalu difahami.	
Mewariskan mushaf.	Kitab hadis, kitab syariat, apa-apa kitab berkaitan agama.	<b>Melahirkan generasi rabbani.</b>
Membina masjid.	Masjid, maahad, madrasah yang melahirkan ulama.	
Doa anak yang soleh.	Doa anak beriman, doa orang Islam.	
Sedekah ketika sihat dan masih hidup.	Sedekah ketika masih hidup (walaupun sakit).	
<i>Ribat.</i>	Menjaga sempadan, berperang dengan kuda.	<b>Mengekalkan keamanan.</b>

### Menyediakan kemudahan asas

Nabi Muhammad SAW menggalakkan seseorang itu mengalirkan air dan menanam kurma untuk dijadikan sebagai infak jariah. Sebagaimana yang telah diterangkan, ulama tidak membataskan pada pokok kurma sahaja, bahkan apa-apa pokok yang menghasilkan buah yang baik dan bertambah. Begitu juga dengan galakan membina rumah tumpangan untuk orang musafir kerana berjihad, menunaikan haji atau sekadar merantau. Air, makanan dan tempat perlindungan, kesemua ini merupakan antara perkara asas yang diperlukan untuk kelangsungan hidup (Hawke, 2009).

### Melahirkan generasi rabbani

Manusia memerlukan asas keperluan hidup seperti pemakanan supaya mereka mampu menuntut ilmu. Nutrisi yang mencukupi mampu memberikan pertumbuhan otak yang baik, manakala kekurangan nutrisi akan merosotkan kognisi dan kelakuan seseorang (Mendoza-Salonga, 2007). Masyarakat perlu menuntut ilmu agar mereka lebih bertamadun. Nabi Muhammad SAW memberikan galakan agar mengajarkan ilmu bermanfaat termasuklah ilmu agama, mewariskan kitab, berusaha mendidik anak menjadi soleh dan menyuruh untuk bersedekah agar terhindar daripada sifat kedekut. Baginda juga menggalakkan membina masjid, dan para ulama menjelaskan bahawa bangunan tersebut tidak terbatas pada masjid, bahkan juga madrasah tempat berkembangnya ilmu. Hal ini demikian agar ilmu agama Islam serta ilmu dunia yang bermanfaat dapat dilestarikan serta lahirnya masyarakat rabbani.

### Mengekalkan keamanan

Setelah sesebuah masyarakat rabbani itu menjadi tamadun yang berilmu, mereka akan membuat sistem pemerintahan agar keamanan dapat dikekalkan sesama masyarakat. Hal ini dapat dilihat tatkala masyarakat Yathrib (Madinah) yang menerima dakwah Nabi Muhammad SAW lalu dapat mendirikan

sistem pemerintahan yang menjaga kebajikan dan keselamatan pelbagai lapisan kaum termasuklah non-muslim (Asilatul & Fauziah, 2021). Orang Islam menghadapi cabaran dalam menghadapi musuh-musuh dan terpaksa mengawal di sempadan dan berperang demi menghidupkan agama. Keamanan terjaga kerana berakar daripada sifat generasi rabbani yang menjaga kebajikan masyarakat.

## KESIMPULAN

Natijahnya dalam kajian ini, Nabi Muhammad SAW bukan sahaja menekankan konsep kelestarian rohani yakni memperoleh pahala selepas mati, tetapi juga secara tidak langsung telah menggalakkan kebajikan lahiriah yang melestarikan sosioekonomi serta sosiopolitik. Konsep atau tema utama bagi amalan jariah yang disebutkan oleh Nabi Muhammad SAW dapatlah disimpulkan seperti gambar rajah di bawah ini, kesemuanya berkait rapat antara satu sama lain yang membawa kepada kemajuan masyarakat. Konsep “menyediakan kemudahan asas” mewakili roda kecil kerana ia bersifat mikro, “melahirkan generasi rabbani” mewakili tahap mezzo, dan akhir sekali “mengekalkan keamanan” mewakili tahap makro yang meliputi masalah orang awam secara keseluruhan. Kajian ini diakhiri dengan firman Allah SWT:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ﴾ ١٠٧

Dan tidaklah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi sekalian alam. (Q. Al-Anbiya' 21: 107)

Rajah 1. Kerangka Infak Jariah



## PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi di bawah geran *Fundamental Research Grant Scheme* berjudul “Model Infak Bersepadu (MIB) Antara Masjid dan Kelompok Asnaf Terpilih” dengan kod rujukan FRGS/1/2021/SSIO/USM/02/21.

## RUJUKAN

- \_\_\_\_\_. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Suntingan oleh Hajah Noresah bt. Baharom (Ketua Editor) et al. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ‘Abd al-Haqq al-Dihlawiy. (2014). *Lam‘at al-Tanqih fi Sharh Mishkah al-Masabih*. 10 jil. Syria: Dar al-Nawadir.
- ‘Abdullah Sulaiman Mustafa. (2006). *Al-Infah wa Naza‘iruh fi al-Qur‘an al-Karim Dirasah Maudu‘iyah*. (Master), Kuliyyah Usul al-Din, Islamic University of Gaza.
- Aizan Sofia Amin, Ezarina Zakaria & Norulhuda Sarnon. (2021). “Metod Kajian Kualitatif.” Dalam *Penulisan Tesis: Kajian Kualitatif Dan Kuantitatif*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Al-‘Azim abadiy, Muhammad Ashraf. (1415H). *‘Aun al-Ma‘bud Sharh Sunan Abi Daud wa ma‘ahu hashiyah Ibn al-Qayyim*. 14 jil. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-‘Aziziy, al-Syeikh ‘Aliy. T.thn. *Al-Siraj al-Munir Sharh al-Jami’ al-Saghir fi Hadith al-Basyir al-Nadhir*. 4 jil. T.tmp.
- Al-Albaniy, Muhammad Nasir al-Din. (1992). *Silsilah al-Ahadith al-Da‘ifah wa al-Maudu‘ah wa Atharuha al-Sai‘ fi al-Ummah*. 14 jil. Arab Saudi: Dar al-Ma‘arif.
- Al-Albaniy, Muhammad Nasir al-Din. (2000). *Sahih al-Tarhib wa al-Tarhib*. 3 jil. Arab Saudi: Maktabah al-Ma‘arif.
- Al-Bukhariy, Muhammad bin Isma‘il. (1422H). *Sahih al-Bukhariy*. 9 jil. Mesir: Al-Sultaniyyah
- Al-Itubiy, Muhammad bin ‘Aliy bin Adam. (2006). *Mashariq al-Anwar al-Wahhajah wa Matali’ al-Asrar al-Bahajah fi Sharh Sunan al-Imam Ibn Majah*. 4 jil. Arab Saudi: Dar al-Mughniy.
- Al-Khair abadiy, Muhammad Abu al-Laith. (2014). *‘Ulum al-Hadith ‘asiluha wa mu‘asiruha*. Kaherah: Dar al-Kalimah.
- Al-Marbawi, Muhammad Idris. (1998). *Kamus Idris al-Marbawi Arab-Melayu*. 2 jil. Kuala Lumpur: Darul Nu‘man.
- Al-Mubarakfuriy, ‘Abd al-Rahman. T.thn. *Tuhfah al-Ahwadhiy bi Sharh al-Jami’ al-Tirmidhiy*. 10 jil. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Mulla ‘Aliy al-Qariy. (2002). *Mirqah al-Mafatih Sharh Mishkah al-Masabih*. 9 jil. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Munawiy, Zain al-Din. (1356H). *Faid al-Qadir Sharh al-Jami’ al-Saghir*. 6 jil. Mesir: Al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- Al-Munawiy, Zain al-Din. (1988). *Al-Taisir bi Sharh al-Jami’ al-Saghir*. 2 jil. Arab Saudi: Maktabah al-Imam al-Shafi‘iy.
- Al-Nasa‘iy, Ahmad bin Shu‘aib. (1986). *Al-Mujtaba min al-Sunan*. Tahkik oleh ‘Abd al-Fattah. 9 jil. Aleppo: Maktab al-Matbu‘at al-Islamiyyah.

- Al-Nawawiy, Yahya bin Sharaf. (1392H). *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*. 18 jil. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Raghib al-Asfahaniy, al-Husain bin Muhammad. (1412H). *Al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Al-Rahmaniyy, 'Ubaidullah al-Mubarakfuriyy. (1984). *Mir'ah al-Mafatih Sharh Mishkah al-Masabih*. 9 jil. India: Al-Jami'ah al-Salafiyyah.
- Al-San'aniy, Muhammad bin Isma'il. (2011). *Al-Tanwir Sharh al-Jami' al-Saghir*. 11 jil. Arab Saudi: Maktabah Dar al-Salam.
- Al-Sindiyy, Muhammad bin 'Abd al-Hadiy. T.thn. *Kifayah al-Hajah fi Sharh Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Jil.
- Al-Suyutiyy, 'Abd al-Rahman. (1996). *Al-Dibaj 'ala Sahih Muslim bin al-Hajjaj*. Tahkik oleh al-Huwainiy. 6 jil. Arab Saudi: Dar Ibn 'Affan.
- Al-Tirmidhiy, Muhammad bin 'Isa. (1975). *Sunan al-Tirmidhiy*. Tahkik oleh Shakir et. al. 5 jil. Mesir: Shirkah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babiy al-Halabiy.
- Al-Wadi'iy, Muqbil bin Hadiy. (2000). *Ahadith mu'allah zahiruha al-sihhah*. Arab Saudi: Dar al-Athar.
- Asilatul H.A, & Fauziah Fathil. "The Concept of Al-Ta'ayush in Islamic Cosmopolitanism: From Medina to Istanbul and Malacca." *Islamiyyat* 43, no. 1 (2021): 163-171.
- Hawke, Mykel. (2009). *Hawke's Green Beret Survival Manual*. Philadelphia: Running Press.
- Hazri Jamil & Mohammad Zohir Ahmad @ Shaari. (2015). *Qualitative Research Methodology*. Pulau Pinang: Institute of Postgraduate Studies Universiti Sains Malaysia.
- Ibn 'Allan, Muhammad 'Aliy. (2004). *Dalil al-Falihin li Turuq Riyad al-Salihin*. 8 jil. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn 'Asakir, 'Aliy bin al-Hasan. (1995). *Tarikh Dimashq*. 80 jil. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn al-Athir, Abu al-Sa'adat. (1979). *Al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. 5 jil. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Ibn Faris, Ahmad. 1979. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Tahkik oleh 'Abd al-Salam. 6 jil. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Khuzaimah, Muhammad bin Ishaq. T.thn. *Sahih Ibn Khuzaimah*. Tahkik oleh Mustafa al-A'zamiy. 4 jil. Beirut: al-Maktab al-Islamiy.
- Ibn Uthaimin, Muhammad bin Salih. T.thn. *Mawsu'ah al-Fatawa*. Hal yadkhul al-'ilm al-dunyawi fi hadith wa 'ilm yuntafa' bih. Dicapai daripada fatawapedia.com/54469--هل-يدخل-العلم-الديني-في-حديث-و-علم-ينتفع-به
- Mendoza-Salanga, Aida. "Nutrition and brain development." *South African Family Practice* 49, no. 7 (2007): 42-44.
- Muslim bin al-Hajjaj. (1955). *Sahih Muslim*. Tahkik oleh Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqiy. 5 jil. Beirut: Dar Ihya' Turath al-'Arabiyy.